

Headline	Top Glove luaskan R&D untuk tingkatkan kualiti produk, produktiviti		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	23 Nov 2016	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	173 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 566
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,699



# Top Glove luaskan R&D untuk tingkatkan kualiti produk, produktiviti

**PETALING JAYA:** Pembuat sarung tangan getah asli Top Glove Corporation Bhd akan terus mengembangkan penyelidikan dan pembangunannya (R&D) bagi mempertingkatkan kualiti produk dan produktiviti.

Pengerusi Eksekutifnya Tan Sri Dr Lim Wee Chai berkata syarikat itu, yang mempunyai 100 penyelidik buat masa ini, merancang untuk menambah antara 200 dan 300 penyelidik yang memiliki ijazah sarjana dan sarjana muda, tahun hadapan.

"Dengan lebih ramai penyelidik, kami boleh mengeluarkan sarung tangan yang lebih baik untuk kegunaan pembedahan, rumah tangga dan industri," katanya kepada pemberita pada Persidangan

Pengurusan Kilang FMM 2016 di sini semalam.

Lim sebelum itu berkongsi kisah kejayaan syarikat berkenaan kepada peserta.

Top Glove yang dibangunkan pada 1991, secara puratanya membina sebuah kilang baharu setiap tahun.

Ia mengendalikan 23 kilang di Malaysia, empat kilang di Thailand dan satu kilang di China and keluaran tahunannya dijangka berkembang 26 peratus kepada 58.8 bilion sarung tangan menjelang Mei 2018.

Mengenai buruh asing, Lim berkata syarikat itu masih memerlukan pekerja asing, namun jumlah mereka akan dikurangkan.

"Kami akan mengurangkan 1,000 pekerja dan mengganti

mereka dengan automasi.

Kos seorang pekerja ialah kira-kira RM2,000 bulan. Oleh itu bagi 1,000 pekerja, syarikat menampung kos sebanyak RM2 juta sebulan atau RM24 juta setahun," katanya sambil menambah bahawa penjimatan tersebut sebaliknya boleh diguna untuk automasi.

Bertemakan Produktiviti Sumber Manusia dan Kecekapan Tenaga, persidangan tersebut bertujuan untuk mengekalkan keuntungan menerusi peningkatan produktiviti dan mengurangkan kos dalam sektor pembuatan.

Para penceramah terdiri daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia, Energy Commission, Linde Malaysia Sdn Bhd, dan Top Glove.

– BERNAMA